



**KENYATAAN AKHBAR
TAKLIMAT Pemandu PELANCONG
BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Sabtu, 5hb Mei 2018, 9.00 pagi
Dewan Setia Pahlawan,
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan**

Jabatan Kemajuan Pelancongan telah mengadakan taklimat mengenai Perintah Pelancongan, 2016 dan kursus asas pemandu pelancong iaitu '*Basic Tourist Guide Course*' bertempat di Dewan Setia Pahlawan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Seramai 50 orang pemandu pelancong hadir bagi mendengarkan taklimat tersebut. Hadir bagi memberikan taklimat – taklimat berkenaan ialah Yang Mulia Dayang Malati Hj Abd Ghani, Ketua Bahagian Pematuhan dan Standard, dan Dayang Hjh Nur Fariza Munyati Hj Abd Aji, Pegawai Pelancongan daripada Jabatan Kemajuan Pelancongan dan Awang Simon Keenan, Ketua Jabatan Bisnes dan Hospitaliti, Laksamana College of Business.

Tujuan taklimat ini diadakan adalah bagi menjelaskan kepada semua pemandu pelancong berhubung dengan Perintah Pelancongan, 2016 yang telah dikuatkuasakan bermula 19hb November 2016. Semasa taklimat tersebut, setiap pemandu pelancong adalah ditekankan untuk mematuhi perintah pelancongan Seksyen 20, Perintah Pelancongan, 2016 iaitu bagi memastikan mana - mana individu yang memberikan perkhidmatan pemandu pelancong hendaklah terlebih dahulu mendapatkan lesen pemandu pelancong yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan. Setiap permohonan untuk mendapatkan lesen ini hendaklah menjalani latihan kursus asas pemandu pelancong dan lulus peperiksaan kursus asas pemandu pelancong tersebut melalui mana – mana pihak yang telah dilantik dan diberi kebenaran oleh pihak Kerajaan. Kursus ini diadakan bertujuan untuk memastikan kualiti dan kompetensi setiap pemandu pelancong selaras mengikut standard yang telah ditetapkan serta menyelaraskan maklumat atau informasi yang disalurkan oleh setiap pemandu pelancong, sebagai pra-syarat bagi permohonan Lesen Pemandu Pelancong yang digariskan di dalam undang-undang yang baru iaitu, Perintah Pelancongan, 2016 sebagai langkah kawalan Jabatan Kemajuan Pelancongan akan terus menerus memantau dan menguatkuasakan ke atas perkhidmatan tersebut. Mana – mana pihak individu yang mengendalikan perkhidmatan pemandu pelancong tanpa lesen yang sah boleh dikenakan denda mengikut seksyen 21. di bawah Perintah Pelancongan, 2016 iaitu i) Bagi kesalahan pertama, denda tidak melebihi \$5,000 dan ii) bagi kesalahan kedua dan seterusnya denda akan dikenakan tidak melebihi \$10,000. Selain itu ianya juga boleh membuka peluang-peluang perkerjaan yang dapat dimanfaatkan oleh penduduk tempatan.

Kursus ini dihasratkan akan dapat memberikan kemahiran asas praktikal dan teori dalam tatacara sebagai pemandu pelancong, selain daripada memberikan pengenalan destinasi-destinasi pelancongan serta pengenalan industri pelancongan di Negara Brunei Darussalam. Bagi pemandu pelancong yang telah lulus kursus asas pemandu pelancong, bolehlah menghadapkan permohonan ke Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber – Sumber Utama dan Pelancongan bagi mendapatkan Lesen Pemandu Pelancong sebelum memberikan perkhidmatan pemandu pelancong.



Sesi taklimat juga turut diselajarkan dengan penerangan ringkas mengenai kursus asas pemandu pelancong dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Pelancongan dan Laksamana College of Business (LCB). Kursus ini akan diadakan selama dua minggu bermula pada 25hb Jun 2018 sehingga 7hb Julai 2018.

- **Tamat** -